

KITA BOLEH MENANG BERSAMA

PENANG LAWAN COVID-19

1 - 15 JUN, 2022

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Kerajaan Negeri IKHLAS bela nasib rakyat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**MACHANG BUBOK** - Projek penempatan semula penduduk Kampung Tok Subuh yang berdepan tindakan pengusiran oleh pihak pemaju sembilan tahun lalu merupakan bukti keikhlasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membela nasib rakyat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian semasa berucap pada majlis berbuka puasa anjuran Parlimen Bukit Mertajam dekat Desa Tok Subuh di sini 25 April lalu.

"Bermula pada tahun 2013 apabila pihak tuan tanah mengeluarkan notis pengusiran kepada penduduk kampung, kepimpinan Kerajaan Negeri berdepan dengan cabaran besar untuk menepis segala fitnah dan propaganda.

"Pelbagai proses libat urus dan perbincangan dilakukan oleh semua pihak, sebelum mendapat kata sepakat daripada penduduk untuk mengosongkan tanah setelah pemaju setuju meningkatkan pampasan lebih tinggi daripada anggaran asal.

"Justeru, Kerajaan Negeri membangunkan projek perumahan Desa Tok Subuh untuk ditawarkan secara subsidi kepada 26 penduduk yang terlibat dan secara percuma kepada 11 keluarga asal di kampung ini.

"Walaupun perjuangan ini bukanlah mudah, namun Kerajaan Negeri bertekad untuk meletakkan kepentingan dan kebajikan rakyat sebagai paksi utama," katanya.

Difahamkan, pembangunan projek perumahan Desa Tok Subuh merangkumi 39 unit rumah mampu milik melibatkan kos sebanyak RM4.5 juta yang dibangunkan di atas tanah milik Kerajaan Negeri.

Kon Yeow berkata, penempatan semula penduduk Kampung Tok Subuh menjadi contoh kepada penyelesaian kreatif Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah di beberapa kawasan lain yang berdepan isu sama.

"Sejak itu (2013), sudah ada sekurang-kurangnya tiga atau empat projek yang dapat diselesaikan oleh Kerajaan Negeri melalui penyelesaian secara kreatif, dan akhirnya rumah-rumah yang dibina ini akan ditawarkan kepada penduduk terlibat.

"Saya percaya, ini adalah contoh bagaimana Kerajaan Negeri membuktikan bahawa sekiranya kita jujur dan ikhlas dalam membela nasib rakyat, kita pasti dapat menangani pelbagai masalah walaupun sering dipermainkan oleh parti-parti lawan.

"(Dan) hari ini terbuktilah bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa bersama-sama dengan rakyat dan berusaha sedaya-upaya menyelesaikan masalah yang mereka (rakyat) tidak mampu selesaikan dengan kemampuan sendiri," ujarnya lagi.



KETUA Menteri (berbaju putih) bersama-sama Lim Guan Eng (berbaju batik hijau) dan Anwar Ibrahim (kanan sekali) meninjau kediaman Hamidah Che Embi (kiri sekali) bersempena majlis berbuka puasa anjuran Parlimen Bukit Mertajam dekat Desa Tok Subuh di sini baru-baru ini.

Pada masa sama, beliau turut menzahirkan penghargaan kepada mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng yang telah berusaha menyelesaikan isu melibatkan penduduk Kampung Tok Subuh.

"Terima kasih juga kepada pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) kerana bersetuju untuk memberikan nama Desa Tok Subuh kepada projek perumahan ini sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Parlimen Bukit Mertajam, YB Steven Sim (Chee Keong)," katanya sambil menambah bahawa geran hak milik rumah berkaitan juga telah didaftarkan dan bakal diserahkan kepada pemilik tidak lama lagi.

Sementara itu, Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap sebelum itu menyatakan bahawa Pulau Pinang telah diuruskan dengan baik oleh pentadbiran Kerajaan Negeri terdahulu (era mantan Ketua Menteri) dan yang sedia ada kini.

"Langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menyelesaikan isu Kampung Tok Subuh menunjukkan bahawa ada ikhtiar lain yang boleh diambil selain tunduk kepada sistem bobrok.

"Kita mempunyai keupayaan untuk mencari kaedah baru dalam menyelesaikan masalah rakyat, dan perkara ini boleh dilakukan kerana negeri Pulau Pinang diuruskan dengan baik, cukai yang dikutip tidak dikhianati serta harta rakyat tidak dicuri.

"Wang yang diselamatkan ini boleh dipulangkan semula kepada rakyat, dan ini boleh dikategorikan sebagai tatakelola pentadbiran serta pemerintahan yang baik," katanya sambil menyeru kepada penduduk Kampung Tok Subuh agar mengetuai usaha untuk menjelaskan mengenai keprihatinan Kerajaan Negeri dalam membela nasib rakyat kepada rakyat Pulau Pinang dan seluruh negara.

*(Sambungan di muka 2).*

*(Sambungan dari muka 1).*

# Penduduk Kampung Tok Subuh terharu



**HAMIDAH Che Embi (tengah) menunjukkan dokumen berkaitan projek perumahan yang dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk penduduk.**

**SEMBILAN** tahun lalu, seramai 52 penduduk di Kampung Tok Subuh, Bukit Mertajam seakan-akan hilang punca selepas menerima notis daripada mahkamah yang mengarahkan mereka mengosongkan tanah yang didiami lebih 35 tahun lalu.

Kini, sebahagian daripada penduduk kampung itu mampu menarik nafas lega kerana masing-masing telah mendapat sebuah rumah baru melalui pembangunan projek perumahan rakyat (PPR) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melibatkan kos lebih RM4.4 juta.

## Terima 'surat cinta'

Bercakap kepada Buletin Mutiara, salah seorang penduduk terlibat **HAMIDAH CHE EMBI**, 54, melahirkan rasa terharu atas sikap prihatin Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berusaha membantu penduduk Kampung Tok Subuh sehingga berjaya memiliki rumah sendiri.

Mengimbau kembali apa yang berlaku, beliau menjelaskan bahawa semua penduduk kampung tersebut mula menerima 'surat cinta' daripada pihak pemaju pada Mei 2013 iaitu seminggu selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13).

"Apabila menerima 'surat cinta' daripada syarikat pemaju untuk meminta agar kami berpindah, pada masa itu kami semua tersentak dan mula hilang punca.

"Pada hari kedua, kami mula berbincang dan membuat keputusan untuk mempertahankan hak kami kerana pampasan yang ditawarkan oleh pihak pemaju sangat tidak setimpal dan tidak mampu untuk membeli atau membina sebuah rumah baharu.

"Ada di antara penduduk hanya dapat RM5,000… ada juga dapat RM7,000 hingga RM15,000 bergantung kepada keadaan dan keluasan rumah, sedangkan kami mahu rumah diganti dengan rumah.

"Pada masa itu, pihak pemaju beri kami masa selama tiga bulan untuk nyatakan jawapan dan sekiranya masih enggan berpindah, maka kami akan diusir secara paksa," katanya memulakan bicara.

## Mohon bantuan

Hamidah berkata, untuk mendapatkan keadilan, beliau bertindak menemui beberapa pemimpin politik termasuk pemimpin tertinggi sebuah parti Melayu di negeri Pulau Pinang, namun berakhir dengan perasaan kecewa.

"Sebelum ini, ahli politik berkenaan berjanji akan membantu kami untuk mendapatkan sebuah rumah PPR tetapi apa yang dijanji tidak pernah ditunaikan.

"Beliau juga tidak berikan sebarang penyelesaian dalam isu ini, sebaliknya menasihati kami untuk berpindah atau membeli rumah baharu untuk didiami tanpa apa-apa penjelasan mengenai perkara yang sedang kami hadapi.

"Pada waktu itu, kami benar-benar kecewa kerana pihak yang selama ini kami sokong dan anggap sebagai pemimpin yang boleh bergantung harap langsung tidak sudi untuk membantu.

"Lebih kecewa lagi apabila pemimpin berkenaan menyalahkan kami kerana tinggal di atas tanah berstatus Lesen Pendudukan Sementara (TOL) selama 30 tahun tanpa ada usaha untuk membeli tanah atau mendirikan rumah sendiri," katanya dengan nada kecewa.

Hamidah berkata, beliau dan beberapa penduduk bertindak membawa perkara itu ke mahkamah sehingga suaminya, **SOLIHIN SABLI**, 58, akhirnya diisytiharkan bankrap pada 2015.

## Dibantu wakil rakyat Kerajaan Negeri

Kecewa dengan jawapan pemimpin parti politik Melayu tersebut, Hamidah berkata beliau kemudiannya disaran untuk mendapatkan pertolongan daripada wakil rakyat Pakatan Rakyat (kini Pakatan Harapan).

"Alhamdulillah… masalah kami didengari dan diberi jaminan bahawa kami akan mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang pada ketika itu ditadbir oleh Pakatan Rakyat.

"Saya kemudiannya menghubungi YB Lee Khai Loon (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Machang Bubok) dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, YB Steven Sim (Chee Keong) untuk menerangkan perkara yang berlaku kepada penduduk Kampung Tok Subuh.

"Selepas seminggu, YB Lee Khai Loon datang sendiri berjumpa dengan penduduk kampung untuk mendengar permasalahan yang kami hadapi.

"Saya memang tak sangka YB Lee Khai Loon dan YB Steven Sim (Chee Keong) sudi membantu kami sehingga sanggup bermalam bersama-sama penduduk di sini kira-kira dua minggu bagi memastikan kami tidak diusir," ulasnya lanjut.

Tambah Hamidah, bukan sahaja dua wakil rakyat setempat, malah penduduk kampung juga turut menerima lebih banyak sokongan daripada wakil rakyat Pakatan Harapan.

"Pada masa itu, hanya pemimpin daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) yang sanggup membantu dan turun untuk berbincang mengenai masalah yang kami hadapi," jelasnya.

## Sinar mula menjelma

Bercerita lanjut, Hamidah memberitahu bahawa pertemuan dengan mantan Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng pada tahun 2015 telah memberikan sedikit sinar kepada penduduk Kampung Tok Subuh.

"Pada tahun 2015, YB Lim Guan Eng jemput kami semua (26 orang) ke pejabat beliau dekat Komtar dan memberi penegasan bahawa Kerajaan Negeri akan berusaha membantu untuk membina perumahan baru bagi penduduk kampung.

"(YB) Guan Eng akhirnya setuju untuk membina rumah PPR di Kampung Tok Subuh (Taman Markisa) di atas tanah milik Kerajaan Negeri," ujarnya.

Jelas beliau, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memulakan projek PPR Kampung Tok Subuh pada tahun 2018 yang mana pada awalnya dijangka siap pada tahun 2020.

"Namun begitu, projek perumahan ini telah tertangguh lebih setahun dek kerana penularan pandemik COVID-19 dan penduduk terpaksa membayar sewa rumah dalam tempoh ini.

"Walau bagaimanapun, atas sikap prihatin, Kerajaan Negeri telah membayar kembali sewa rumah selama empat bulan melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

"Jadi masing-masing menerima RM2,000 daripada PDC," katanya sambil menzahirkan penghargaan tidak terhingga kepada barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Mengulas lanjut, Hamidah menyatakan bahawa kesemua 26 penduduk Kampung Tok Subuh akhirnya menerima kunci rumah pada Disember 2021 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Anggaran harga bagi sebuah rumah PPR ini saya difahamkan adalah bernilai RM100,000, tetapi kami hanya perlu membayar RM25,000 sahaja manakala baki RM75,000 lagi ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

"Sementara itu, penduduk asal kampung ini pula diberikan rumah ini secara percuma oleh Kerajaan Negeri," ulasnya.

## Tuduhan rasis hanya propaganda

Dengan segala kemelut yang berlaku, Hamidah menegaskan bahawa tuduhan yang mengatakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersikap rasis dan menindas orang Melayu hanyalah propaganda politik semata-mata.

"Kami betul-betul berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang kerana membantu rakyat tanpa mengira latar belakang bangsa atau agama.

"Malah, fitnah jahat yang mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab di sebalik pengusiran tersebut juga adalah tidak benar sama sekali," tegasnya.

Hamidah menyatakan bahawa mereka yang percaya terhadap tuduhan tersebut adalah kumpulan yang belum pernah melalui kemelut tersebut dan tidak mengenali wakil-wakil rakyat Pakatan Harapan secara dekat.

"Sebenarnya, mereka yang sering beranggapan Kerajaan Negeri bersifat rasis adalah mereka yang belum melalui proses ini, dan boleh dikatakan mereka ini tidak pernah sekali pun berjumpa dengan wakil rakyat (Pakatan Harapan).

"Sebagai orang yang melalui semua kepayahan ini, saya boleh katakan bahawa semua tuduhan jahat yang dilemparkan kepada Kerajaan Negeri hanyalah fitnah dan mainan politik semata-mata.

"Sedangkan pihak yang membantu kami adalah wakil-wakil rakyat, Ahli-ahli Majlis dan pemimpin setempat daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Oleh itu, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada semua yang terlibat terutamanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana sanggup membantu orang-orang susah seperti kami," katanya mengakhiri bicara.



**KAWASAN perumahan Desa Tok Subuh.**

# 90% janji manifesto 'Saya ❤ Pulau Pinang' ditunai



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan naskhah pencapaian manifesto Kerajaan Negeri usai pembentangannya di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berjaya melaksanakan 90 peratus daripada 68 janji yang terkandung di dalam manifesto pada Pilihanraya Umum Ke-14 (PRU14) lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sebanyak 54 perkara yang dijanjikan kepada rakyat Pulau Pinang pada tahun 2018 telah berjaya ditunaikan oleh Kerajaan Negeri setakat ini.

Menurut beliau, sebanyak 12 janji masih pada peringkat pelaksanaan manakala dua lagi tidak akan dijalankan ekoran berlaku pertindihan dengan program Kerajaan Persekutuan.

"Empat tahun lalu, 9 Mei merupakan tarikh keramat yang mana rakyat Pulau Pinang telah memberi mandat dan kepercayaan kepada kita (Pakatan Harapan).

"Dengan tekad bersama, kita telah membentuk sebuah Kerajaan Negeri berkebajikan yang terus meletakkan kepentingan rakyat negeri ini sebagai suatu keutamaan.

"Selepas genap empat tahun, hasil titik peluh dan komitmen bersama, hari ini kita telah berjaya mencapai 90 peratus daripada jumlah janji secara keseluruhannya," katanya semasa membentangkan pencapaian manifesto 2018 dekat Komtar di sini 9 Mei lalu.

Hadir sama, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Dr. Ahmad Jailani Mohamed Yunus; barisan Exco Kerajaan Negeri serta Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan barisan Ahli Parlimen.

Kon Yeow berkata, baki 10 peratus janji manifesto yang belum ditunai akan diusahakan dalam tempoh setahun lagi sebelum pilihan raya umum diadakan.

"Walau bagaimanapun, terdapat beberapa janji yang memerlukan pelaksanaan dalam jangka masa panjang seperti projek-projek melibatkan infrastruktur.

"Namun begitu, projek-projek ini akan dikira sebagai telah ditepati apabila ia sudah dilancarkan," ujarnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata antara janji yang berjaya ditunaikan termasuklah mengehadkan jawatan Ketua Menteri kepada dua penggal melalui pindaan Perkara 7, Klausa 2(a) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang pada 16 November 2018.

Selain itu, beliau menyatakan bahawa Ketua Pembangkang juga telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan (PAC) melalui usul oleh Ketua Menteri dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 10 Ogos 2019.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tanpa Teguran bagi tiga tahun berturut-turut mulai 2018 hingga 2020.

"Pengiktirafan diterima ini membuktikan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berkenaan adalah stabil dan kukuh," ulasnya.

Tambah Kon Yeow, beberapa lagi janji yang berjaya ditunaikan adalah merangkumi program kebajikan, sukan dan pelancongan, penyediaan rumah mampu milik, meningkatkan kemudahan asas, pembangunan pendidikan, memartabatkan agama Islam serta membentuk masyarakat harmoni.



PENCAPAIAN manifesto Kerajaan Negeri yang direalisasikan atas usaha bersama.

"Saya percaya pencapaian ini mampu meningkatkan keyakinan rakyat Pulau Pinang bahawa kita sebuah Kerajaan Negeri yang boleh dipercayai untuk terus meletakkan negeri ini pada tahap yang lebih cemerlang serta gemilang.

"Justeru, saya menyeru kepada barisan Exco, ADUN-ADUN, Ahli Parlimen dan semua untuk terus melangkah dengan berani demi membantu rakyat.

"Jangan sesekali bersikap sambil lewa, ambil mudah dan lalai dalam memperjuangkan pentadbiran yang cekap, akauntabiliti dan telus (CAT), kebajikan rakyat serta kelengkapan infrastruktur demi keselesaan semua," serunya.

Terdahulu, semasa membentangkan pencapaian tersebut, Kon Yeow menjelaskan bahawa Manifesto 2018 Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkumi 11 tema utama iaitu pentadbiran CAT; Perumahan untuk semua; Negeri Keusahawan; Meningkatkan Kemudahan Asas; Negeri Hijau; Pembangunan Pendidikan dan Kemahiran; Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian, Warisan dan Sukan; Negeri Berkebajikan; Memartabatkan Islam, Masyarakat Majmuk yang Harmoni serta Hak Negeri Pulau Pinang.

## ATM, PDRM terima sumbangan Aidilfitri Ketua Menteri

**GEORGE TOWN** - Sebagaimana tahun-tahun lepas, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri bernilai RM10,000 masing-masing kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyampaikan sumbangan itu kepada Panglima 6 Briged Markas Briged Keenam Infantri Malaysia (ATM), Brigedier Jeneral Mohd. Akib Haji Yusof dan Ketua Polis Kontinjen Pulau Pinang, Dato' Mohd. Shuhaily Mohd. Zain di pejabatnya dekat Komtar pada 20 April 2022.

"Kepada pihak yang menjaga keselamatan negeri Pulau Pinang (ATM dan PDRM), saya rasa (sumbangan Aidilfitri) ini adalah sumbangan yang kecil sahaja daripada Kerajaan Negeri," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong turut merakamkan penghargaan atas segala pengorbanan sekalian anggota ATM dan PDRM yang selama ini bertugas sepanjang musim perayaan.

Dalam reaksi lanjut, Mohd. Akib menzahirkan penghargaan kepada pentadbiran Kon Yeow atas sumbangan Aidilfitri tersebut.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri memberi sumbangan (Aidilfitri) kepada ATM," ujarnya.

Bertanggungjawab menjaga kawasan sempadan negara dari negeri Kedah hingga Kelantan, beliau memberitahu bahawa tiga per empat anggota di bawahnya bertugas sepanjang musim perayaan pada kali ini.

"Anggota-anggota di bawah saya berada di beberapa pos (kawalan) dan bertugas di sana," ulasnya lanjut.

Pada kesempatan sama, Mohd. Shuhaily juga turut merakamkan penghargaan atas kecaknaan pentadbiran Kon Yeow terhadap jasa PDRM di Pulau Pinang selama ini.

"Bagi pihak PDRM dan seluruh kawan-kawan anggota yang bertugas di negeri ini, perkara ini diketahui umum kerana saban tahun Kerajaan Negeri akan memberi sumbangan Aidilfitri kepada kami.

"Terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri…sebagaimana dimaklumkan, dalam PDRM hanya dibenarkan 10 peratus sahaja bercuti dan yang lain menjalankan tugas seperti biasa," katanya.



# Janji-janji

## TEMA 1 PENTADBIRAN CEKAP, AKAUNTABEL, TELUS (CAT)




**Manifesto 1** | **Jawatan Ketua Menteri dihadkan kepada 2 penggal sekiranya mendapat majoriti 2/3**

Status: **Ditepati**

- Pindaan Perkara 7, Fasal 2(a) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dalam Dewan Undangan Negeri pada 16 November 2018.
- Diwartakan pada 31 Januari 2019. Pindaan Perkara 7, Fasal 2(a) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dalam Dewan Undangan Negeri pada 16 November 2018.
- Diwartakan pada 31 Januari 2019.

**Manifesto 2** | **Melantik Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi PAC dan juga tambahan sumber untuk memperkasakan pejabat Ketua Pembangkang**

Status: **Ditepati**

- Ketua Pembangkang dilantik sebagai Pengerusi PAC melalui usul Ketua Menteri dalam sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 10 Ogos 2018.

**Manifesto 3** | **Meneruskan belanjawan berhemah yang mana Laporan Ketua Audit Negara 2015 menyatakan 100% projek siap dengan hanya 55% peruntukan dibelanjakan**

Status: **Ditepati**

- Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diiktiraf Ketua Audit Negara.
- Terima Sijil Tanpa Teguran 2018 – 2020.
- Bukti prestasi kewangan serta aliran tunai stabil dan kukuh.

## TEMA 2 PERUMAHAN UNTUK SEMUA




**Manifesto 4** | **75,361 unit perumahan kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik akan dibina**

Status: **Ditepati**

- Sejumlah 134,195 unit meliputi rumah mampu milik (RMM) Kategori A, B, dan C telah siap / di pelbagai peringkat pembinaan (sehingga 11 April 2022).

**Manifesto 5** | **Membaik pulih, mengganti dan menyelenggara lif, tangki air dan bumbung di skim perumahan swasta yang tidak melebihi RM150,000 pada harga belian asal di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang (TPM80PP)**

Status: **Ditepati**

- RM34.55 juta dibelanjakan di bawah TPM80PP sejak tahun 2018 - Mac 2022.
- Sejak 2008 - 11 April 2022: RM297,570,208.43 telah dibelanjakan.
- Sebanyak RM86.49 juta dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri meliputi 5,562 projek penyelenggaraan di semua perumahan awam dan swasta layak sejak 2018 - Mac 2022.

**Manifesto 6** | **Membina projek perumahan awam untuk disewa**

Status: **Ditepati**

- Jumlah 2,528 unit Penawaran Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN)/Program Perumahan Rakyat (PPR) di lapan (8) skim perumahan.

## TEMA 3 NEGERI KEUSAHAWANAN



**Manifesto 7** | **Tabung Benih Industri 4.0 (i4.0) Pulau Pinang sebanyak RM4 juta untuk membantu technopreneur muda**

Status: **Ditepati**

- Dilancarkan pada tahun 2018 dengan dana sebanyak RM4 juta.
- Sebanyak 37 syarikat layak terima bantuan modal.
- Melancarkan Stream 4 dengan tambahan peruntukan RM1 juta pada 22 Februari 2022.
- Jumlah keseluruhan peruntukan disediakan RM5 juta.

**Manifesto 8** | **Mengekalkan Pulau Pinang sebagai pilihan utama sektor pembuatan elektronik, kelengkapan perubatan, LED, aerospace dan menjadi hab BPO (Business Process Outsourcing) masa depan**

Status: **Ditepati**

- Jumlah pelaburan sektor pembuatan diluluskan

| | |
|---|---|
| **2019 - 2020** | RM31 bilion |
| **2021** | RM76.2 bilion *(Tertinggi dalam negara)* |

**Manifesto 9** | **Memperkasakan Skim Pinjaman Harapan yang menyediakan pinjaman mikro kredit tanpa faedah sehingga maksimum RM25,000**

Status: **Ditepati**

- Ditubuhkan pada tahun 2018.
- Seramai 898 peminjam usahawan mikro terima manfaat.
- Jumlah peruntukan sebanyak RM7,283,000.

**Manifesto 10** | **Memperkasakan Tabung Usahawan Tani yang menyediakan pinjaman mikro kredit tanpa faedah RM6,000 bagi usahawan bawah usia 40 tahun dan RM5,000 bagi yang berusia lebih 40 tahun**

Status: **Ditepati**

- Ditubuhkan pada tahun 2015.
- Januari 2018 - Mac 2022: Peruntukan RM550,000 digunakan untuk manfaat 83 usahawan dalam sektor pertanian.
- Tahun 2015 - Mac 2022: Peruntukan RM980,000 digunakan untuk manfaat 144 usahawan dalam sektor pertanian.

## TEMA 4 MENINGKATKAN KEMUDAHAN ASAS



**Manifesto 11** | **RM15 juta untuk perkhidmatan bas percuma bersasar di bahagian pulau dan Seberang Perai**

Status: **Ditepati**

- Tahun 2018 - 2021: Kira-kira RM51.4 juta dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk perkhidmatan pengangkutan awam percuma kepada rakyat.
- Tahun 2022: Sebanyak RM10 juta diperuntukkan termasuk RM5.436 juta khusus untuk membiayai Pas Mutiara My50 dan tambang feri Pulau Pinang.
- Peruntukan RM1.4 juta untuk perkhidmatan CAT George Town pada 2022.

**Manifesto 12** | **RM150 juta tambahan untuk projek-projek tebatan banjir di Pulau Pinang dan Seberang Perai**

Status: **Ditepati**

Sebanyak lapan (8) projek Rancangan Tebatan Banjir telah diluluskan.

**Manifesto 13** | **Memasang 1,000 buah CCTV untuk menjadikan Pulau Pinang negeri selamat**

Status: **Ditepati**

Sebanyak 1,041 CCTV milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dipasang dengan fungsi video analitik.

## TEMA 5 NEGERI HIJAU



**Manifesto 14** | **Menjamin tiada catuan air untuk 10 tahun akan datang dan kadar tarif domestik paling rendah di Malaysia**

Status: **Ditepati**

Sehingga hari ini, masih tiada catuan air di Pulau Pinang dan kadar tarif air domestik adalah yang terendah di Malaysia.

**Manifesto 15** | **Memastikan hutan simpanan kekal yang diwartakan boleh ditambah tetapi tidak boleh dikurangkan**

Status: **Ditepati**

- Kerajaan Negeri mewartakan sebahagian Pulau Jerejak berkeluasan 285.84 hektar sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK).
- Meningkatkan keluasan HSK sebanyak 5.5% iaitu daripada 5,100.93 hektar pada Disember 2019 kepada 5,386.77 hektar pada tahun 2020.

**Manifesto 16** | **Penggantian 20,000 tiang lampu kepada lampu LED menjelang tahun 2020**

Status: **Ditepati**

- Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) - 17,542 unit.
- Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) - 16,232 unit.
- Jumlah keseluruhan - 33,774 unit.

**Manifesto 17** | **Mendirikan 'Taman Bercahaya' *(Night Park)*.**

Status: **Ditepati**

- Taman Areca di Sungai Pinang.
- Taman Rimba Bandar *'WoodHAVEN'* di Jalan Betek, Bukit Mertajam.

# DITEPATI




**Manifesto 18** | **Menanam 100,000 lagi pokok baru**

Status: **Ditepati**

| | | |
|---|---|---|
| **MBPP** | 97,981 pokok | *(sejak tahun 2018)* |
| **MBSP** | 61,779 pokok | |
| **Jabatan Perhutanan** | 31,996 pokok | |




**Manifesto 19** | **RM20 juta setiap tahun untuk sekolah-sekolah vernakular dan agama rakyat**

Status: **Ditepati**

2018-2021: RM52,143,709.00 telah disalurkan kepada Sekolah Tamil, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Persendirian Cina, Sekolah Mubaligh, Sekolah Punjabi dan Sekolah Agama Rakyat (SAR).

**Manifesto 20** | **Memperbanyakkan perpustakaan digital awam di kawasan pulau dan Seberang Perai**

Status: **Ditepati**

Sebanyak empat (4) buah perpustakaan digital telah ditubuhkan:
- Perpustakaan Digital 1 dan 2 di Sekolah Menengah Penang Free.
- Perpustakaan Digital Butterworth.
- Perpustakaan Digital Batu Maung.




**Manifesto 21** | **Meneruskan program Seberang Perai Fiesta dan menganjurkan PIFF dua kali setahun untuk menyediakan peluang berniaga kepada penjaja tempatan**

Status: **Ditepati**

- Penang International Food Festival (PIFF) telah dianjurkan pada tahun 2018 dan 2019.
- Penang Street Food Festival (PSFF) telah dianjurkan pada tahun 2018.
- PIFF 2022 akan dianjurkan semula pada pertengahan tahun 2022 setelah ditangguhkan selama dua tahun akibat pandemik COVID-19.

**Manifesto 22** | **RM20 juta untuk penaiktarafan Muzium Negeri Pulau Pinang**

Status: **Ditepati**

- Pelaksanaan Projek Kerja-Kerja Restorasi dan Baik Pulih bangunan Muzium Negeri, Lebuh Farquhar (Fasa 1) dengan kos RM11.5 juta.
- Bermula pada 30 September 2019 dan dijangka siap pada 16 Jun 2022.
- Kemajuan projek telah mencapai 90 peratus.
- Projek Fasa 2 dan Fasa 3 dengan kos RM8.5 juta akan dilaksanakan selepas Fasa 1 siap.




**Manifesto 23** | **Menambahbaik program-program kebajikan dengan meningkatkan bayaran warga emas dan OKU kepada RM200**

Status: **Ditepati**

Kerajaan Negeri menaikkan bayaran program ini daripada RM150 kepada RM200 mulai tahun 2022.

**Manifesto 24** | **Meneruskan Projek Khas Ekonomi untuk keluarga miskin sebanyak RM42,000 untuk membina rumah baru dan RM15,000 untuk membaiki rumah masyarakat desa**

Status: **Ditepati**

Projek Khas Ekonomi untuk keluarga miskin telah ditingkatkan kepada RM56,000 untuk membina rumah baru dan membaiki rumah masyarakat desa (RM15,000).

**Manifesto 25** | **Meneruskan program pemeriksaan mamogram percuma untuk wanita yang melebihi usia 30 tahun**

Status: **Ditepati**

Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mulai Mac 2019 sehingga Februari 2022 (3 tahun) untuk program pemeriksaan mamogram percuma melibatkan 4,303 wanita.




**Manifesto 26** | **Memantap dan mempertingkatkan institusi Zakat Pulau Pinang dengan meningkatkan kutipan serta agihan secara efektif bagi membasmi kemiskinan dan memajukan ummah**

Status: **Ditepati**

- Jumlah kutipan zakat mulai tahun 2018 hingga 2021 adalah sebanyak RM519,236,694.49.
- Jumlah sumbangan zakat bagi tempoh yang sama adalah sebanyak RM481,323,728.91 kepada 149,809 penerima zakat.

**Manifesto 27** | **Meneruskan usaha Halal Penang bagi mengekalkannya sebagai agensi terunggul di Malaysia dan mendapat pengiktirafan antarabangsa**

Status: **Ditepati**

Taman perindustrian halal telah menerima pengiktirafan status HALMAS daripada Halal Industri Development Corporation (HDC).

**Manifesto 28** | **Membangunkan tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang**

Status: **Ditepati**

- Sehingga kini, terdapat sejumlah 1,303 lot tanah wakaf berkeluasan 1,269.22 ekar di Pulau Pinang (berdasarkan rekod MAINPP).
- Membangunkan 45 lot berkeluasan 45.34 ekar yang telah meyediakan 457 unit kediaman dan 174 unit komersial sehingga kini.




**Manifesto 29** | **Meluluskan penjualan tanah sebanyak 70 ekar dan membenarkan permohonan bangunan agama selain Islam atas tanah sendiri**

Status: **Ditepati**

- Sebanyak 134 Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) telah menerima tanah daripada Kerajaan Negeri mulai tahun 2018 hingga 2022.

Jumlah keluasan tanah yang diberikan adalah 83.41 ekar.

**Manifesto 30** | **Meningkatkan peruntukan Lembaga Wakaf Hindu kepada RM1.5 juta setahun**

Status: **Ditepati**

Peruntukan kepada Lembaga Wakaf Hindu sebanyak RM7.5 juta (2018 – 2022).

**Manifesto 31** | **RM1 juta untuk menaik taraf prasarana asas dan pemasangan lampu hiasan di Little India**

Status: **Ditepati**

- Lampu hiasan untuk Little India telah dipasang.
- Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) salur RM1.13 juta untuk naik taraf jalan di Lebuh Pasar.
- Membina pintu gerbang di Little India - jangka siap Oktober 2022.




**Manifesto 32** | **Berusaha untuk memastikan kerja-kerja Kerajaan Negeri dan tempatan diuruskan oleh rakyat Malaysia dan bukan pekerja asing**

Status: **Ditepati**

Semua kerja-kerja kontrak di bawah Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan hanya dibuka dan ditawarkan kepada warganegara sahaja.

# Kepentingan pedagang dan usahawan

PERDASAMA atau Persatuan Pedagang dan Usahawan Melayu Malaysia bukan sahaja dikenali di negeri ini, malah kalau disorot sejarah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan yang ditubuhkan di Pulau Pinang telah mengembangkan cawangannya ke negeri-negeri lain.

**Berusia lebih dua dekad, peranan serta fungsinya dalam menjaga kepentingan para pedagang serta usahawan Melayu begitu signifikan terutama sejak negara dan negeri Pulau Pinang dilanda pandemik COVID-19, kira-kira dua tahun lepas.**

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **LAW SUUN TING** berkesempatan menemu ramah Pengerusi PERDASAMA Pulau Pinang, **MALIK FAISAL ABDUL RAHIM**, 48, mengenai jatuh bangun NGO itu dalam membela nasib 438 ahli di negeri ini.

## Kesan terhadap M40

Memulakan bicara, Malik Faisal secara santai berkongsi cabaran yang terpaksa didepani oleh para pedagang dan usahawan Melayu terutamanya mereka yang dalam kelompok M40 iaitu koridor pendapatan bulanan antara RM4,850 dan RM10,959.

"Sejak Pulau Pinang berada dalam tempoh pandemik (COVID-19), peranan kita adalah lebih kepada untuk melihat dari segi kebajikan para usahawan kecil yang dalam kelompok isi rumah M40.

**"Kalau B40 (kelompok isi rumah berpendapatan 40 peratus paling rendah), kita faham mereka ini telah ada bentuk-bentuk bantuan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).**

"Sebaliknya, usahawan dan pedagang Melayu dalam kelompok M40 iaitu golongan yang membayar cukai, seakan-akan tiada bantuan khusus untuk membantu mereka semasa tempoh pandemik (COVID-19).

"Kalau ada pun bantuan daripada kerajaan, adalah dalam bentuk pinjaman dan kalau ada geran bantuan modal tertentu pun, jumlahnya begitu terhad untuk kelompok usahawan dan pedagang Melayu dalam kelompok ini.

"Mereka (pedagang dan usahawan Melayu M40) yang terjejas ramai, tetapi geran untuk membantu mereka seakan-akan begitu kecil dan tidak cukup untuk menampung keadaan perniagaan mereka yang terjejas semasa tempoh pandemik (COVID-19)," jelasnya dalam nada sederhana.



MALIK Faisal Abdul Rahim.

Menyedari begitu ramai ahli PERDASAMA Pulau Pinang mengaku terjejas dek pandemik COVID-19, Malik Faisal memberitahu bahawa pihaknya turut membuat kajian impak membabitkan para pemegang taruh dalam NGO tersebut.

Menurut beliau, **hasil kaji selidik mendapati bahawa hampir separuh daripada 238 ahli PERDASAMA Pulau Pinang yang terjejas akhirnya terpaksa menutup operasi perniagaan mereka disebabkan tidak berjaya mendapat sistem sokongan berkaitan untuk terus bertahan dalam tempoh ekonomi kian mencabar sebelum ini.**

"Dalam radar (pengetahuan) PERDASAMA, memang tidak ada angka khusus bilangan anggota yang memerlukan bantuan dan bilangan mereka yang dapat bantuan kerana kita bukanlah badan yang memberi bantuan (dalam bentuk modal atau pinjaman).

"Dalam konteks PERDASAMA Pulau Pinang, apabila kita buat kajian, kira-kira 238 usahawan dan pedagang Melayu dalam kelompok M40 terkesan (dek pandemik COVID-19), dan daripada jumlah itu kira-kira separuh tutup operasi perniagaan mereka," ujarnya dalam nada penuh keinsafan.

Tanpa menuding jari kepada mana-mana pihak, Malik Faisal berkata perkara berlaku itu adalah disebabkan kelemahan pada peringkat PERDASAMA Pulau Pinang sendiri kerana ada kekangan dalam menyediakan sistem sokongan berkaitan kepada mereka yang memerlukan.

"Pada peringkat kita (PERDASAMA Pulau Pinang) juga ada kelemahan, yang mana kita hanya boleh menghantar hasil kaji selidik kita mengenai mereka yang terjejas perniagaan dalam tempoh pandemik ini kepada agensi-agensi berkaitan seperti MARA (Majlis Amanah Rakyat).

"Kerana, segala permohonan bantuan itu dibuat (oleh ahli PERDASAMA Pulau Pinang yang terjejas) secara langsung dengan agensi-agensi tersebut.

"Kebanyakan bantuan yang ditawarkan kepada ahli-ahli PERDASAMA adalah dalam bentuk pinjaman modal dan bukannya geran.

"Pinjaman modal lebih berisiko kerana kita berada dalam tempoh pandemik (COVID-19).

**"Semua kita tahu, kuasa membeli rakyat yang turut terjejas (disebabkan mereka juga ramai hilang pendapatan), maka ia pasti tidak menentu untuk membantu sektor perniagaan itu sendiri," ulasnya lanjut.**

## Kekangan sebenar usahawan M40

**Bercakap mengenai cabaran ekonomi semasa pandemik COVID-19, ada pihak mengatakan bukan sahaja 'supply side' terganggu, bahkan juga 'demand side' disebabkan ramai hilang pendapatan tetap hatta melemahkan kuasa membeli mereka.**

Tanpa menafikan pendapat sebegitu, Malik Faisal menyatakan bahawa rata-rata ahli PERDASAMA Pulau Pinang memberi maklum balas bahawa operasi perniagaan mereka terganggu dan terkekang disebabkan prosedur operasi standard (SOP) yang berubah-ubah.

## Kesan berantai

Mengulas lanjut, Malik Faisal memberitahu bahawa SOP berubah-ubah turut membantutkan lagi para pedagang dan usahawan M40 di bawah naungan PERDASAMA yang mengambil risiko dengan membuat pinjaman modal, walaupun layak mengikut kriteria yang digariskan oleh agensi-agensi kerajaan tertentu.

"Pada hari biasa, sepatutnya hasil jualan kasar harian boleh dilonjakkan sehingga RM5,000 tetapi disebabkan kekangan SOP tertentu, mungkin kita hanya dapat RM1,000 sahaja (hasil jualan kasar harian).

"Dengan hasil jualan kasar harian sekitar RM1,000, bagaimana untuk kita membayar balik pinjaman modal kalau kita memohon bantuan pinjaman tertentu daripada agensi berkaitan…ini antara kekangannya," tegasnya.

## Fasa peralihan ke endemik

Bermula 1 April 2022, pintu sempadan negara mula dibuka secara berperingkat yang memungkinkan Pulau Pinang menerima lambakan pengembara antarabangsa dan pengunjung domestik, seterusnya menyemarak kembali sektor perdagangan dan keusahawanan negeri.

Tanpa menoleh ke belakang lagi, Malik Faisal berkata bahawa PERDASAMA Pulau Pinang berharap para pedagang dan usahawan Melayu termasuk kelompok M40 yang bernaung di bawah NGO tersebut dapat memulihkan kedudukan kewangan dan operasi perniagaan masing-masing.

Selain itu, beliau berharap agar beberapa perancangan pada peringkat dalaman PERDASAMA Pulau Pinang yang tertangguh sebelum ini ekoran pandemik COVID-19, dapat dipacu semula.

Menurut beliau, PERDASAMA Pulau Pinang akan berusaha meningkatkan pembangunan kemahiran dalam kalangan ahli mereka melalui kolaborasi dengan dua agensi Persekutuan iaitu Pusat Latihan Kemahiran GIATMARA dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Bukit Mertajam.

"Melalui MoU (perjanjian persefahaman) dengan GIATMARA, katakan usahawan kita buat 'kuih basah' untuk produk sejuk beku, mereka memerlukan ilmu bagi mengawet produk komersial mereka.

"Oleh itu, dengan kerjasama ini akan membolehkan GIATMARA mengajar kita teknik baharu yang disebut 'retort' iaitu satu-satu produk makanan dimasak pada tahap tertentu, kemudian dibungkus serta boleh bertahan sehingga dua tahun tanpa menggunakan bahan pengawet.

"Apabila teknologi 'retort' makanan ini didedahkan kepada para pengusaha kita, mereka boleh meningkatkan pengeluaran makanan tanpa risiko produk rosak dalam tempoh masa lebih lama semasa proses pemasaran.

"Kedua, kita juga dah berbincang dengan IKTBN Bukit Mertajam untuk anggota kita menyertai program pembangunan kemahiran sampai mereka boleh mendapatkan diploma daripada institusi itu.

"Kalau pedagang dan usahawan Melayu di bawah PERDASAMA ini pandai buat kek umpamanya, tetapi tiada sijil pengiktirafan, maka terhad juga bakatnya untuk mendapat apa jua bantuan bagi mengembangkan perniagaan mereka.

*(Sambungan di muka 7).*

(*Sambungan dari muka 6*).

# Melayu terus DIBANGUNKAN

"Maksudnya, kita hendak meningkatkan pembangunan kemahiran dalam kalangan ahli kita (PERDASAMA Pulau Pinang)," jelasnya.

## Kolaborasi dengan Kerajaan Negeri

Selain kerjasama dengan agensi-agensi Persekutuan, Malik Faisal memberitahu bahawa PERDASAMA Pulau Pinang turut mengadakan kerjasama strategik dengan pihak Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain.

**"PERDASAMA Pulau Pinang akan terus saling bekerjasama dengan semua pihak termasuk Kerajaan Negeri hari ini demi menjaga kepentingan pedagang dan usahawan Melayu.**

**"Bagi saya, tumpuan MMK Pembangunan Usahawan mengadakan program latihan dan pembangunan kemahiran dalam pemasaran digital sejak tahun 2019 adalah sangat bagus dan begitu diperlukan apabila negara dan negeri (Pulau Pinang) dilanda pandemik COVID-19 (sejak Mac 2020).**

"Cuma, dari segi sambutan pada program pemasaran digital itu, para pedagang dan usahawan Melayu perlu lebih terbuka untuk merebut peluang ini (dengan merebut peluang menyertai program-program latihan dan pembangunan kemahiran yang dianjurkan di bawah Pihak Berkuasa Negeri).

"Bagi kita (PERDASAMA Pulau Pinang), sebagai 'orang berniaga', kita tidak boleh menjadikan perbezaan politik kepartian (antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan) sebagai penghalang untuk kita saling bekerjasama dalam membela nasib pedagang dan usahawan Melayu terutama M40 ini," ujar beliau sambil memberitahu pihaknya akan terus memainkan peranan hakiki sebagaimana termaktub dalam perlembagaan NGO tersebut.

Tidak terhenti setakat itu sahaja, Malik Faisal memberitahu bahawa PERDASAMA Pulau Pinang turut mengadakan kolaborasi dengan pihak Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee melalui program negeri yang dikenali sebagai *'Youth Entrepreneur Championship'*.

"PERDASAMA Pulau Pinang terlibat secara langsung juga dan kali ini merupakan tahun kedua kita perlu membuat persiapan untuk pertandingan *(Youth Entrepreneur Championship)* ini.

"PERDASAMA (Pulau Pinang) harap dapat membawa lebih ramai pedagang dan usahawan Melayu muda untuk menyertai pertandingan ini," ulasnya sambil merakamkan penghargaan kepada pemimpin Kerajaan Negeri hari ini.

Selain itu, Malik Faisal berharap Kerajaan Negeri hari ini di bawah pentadbiran Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dapat mempertimbangkan beberapa syor bersempena pembukaan semula sektor pelancongan negara dan negeri bermula 1 April 2022.

"PERDASAMA ingin meminta Kerajaan Negeri memberi beberapa kelonggaran seperti ruang niaga dengan harga (kadar sewa lantai) berpatutan serta pengurangan dari segi yuran atau cukai berkaitan.

"Dan, kalau boleh membantu dari segi promosi acara berkaitan yang ada kepentingan pedagang dan usahawan Melayu dalam program tersebut," jelasnya.

## Harapan

Mengakhiri sesi temu ramah, Malik Faisal memberitahu bahawa masih banyak wawasan PERDASAMA Pulau Pinang belum direalisasikan di negeri ini serta memerlukan sokongan pelbagai pihak baik pada peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

"Paling penting adalah dalam kawasan *'Muslim Enclave'* iaitu merujuk pada 'segi tiga emas' George Town di negeri ini, perlu ada penyusunan para pedagang dan usahawan dalam kalangan Melayu juga…cadangannya di Lebuh Buckingham (berhampiran Masjid Kapitan Kling).

"Mewakili PERDASAMA, saya mesti bercakap mengenai kepentingan Melayu dan Melayu mesti kena ada dalam 'Muslim Enclave' dekat George Town ini.

"Sebelum saya terlupa, saya juga berpendapat bahawa bidang pelancongan negeri ini akan jadi sektor paling menonjol pasca pandemik COVID-19 ini, jadi peluang dalam bidang ini juga perlu dibuka lebih luas kepada ahli-ahli PERDASAMA Pulau Pinang.

"Usahawan Melayu mesti ada dalam 'Muslim Enclave' ini dan ia juga mesti berada dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, barulah dapat manfaat daripada lambakan pengembara antarabangsa dan pengunjung domestik ke negeri Pulau Pinang,'' katanya.




### Terma dan syarat

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan, "Penang Harmoni, Syawal Kita Rai, SOP dipatuhi - Ilustrasi Anda" dan berserta dengan logo Penang2030 dan Buletin Mutiara.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah hak milik penganjur.
10. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 04-650 5256.
11. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
    Buletin Mutiara,
    Pertandingan Melukis Poster - 2/2022,
    Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Tarikh peraduan: 1 April 2022 – 30 Jun 2022**

Nama: ..........................................

Kad Pengenalan: ..........................................

Alamat: ..........................................

..........................................

No. Telefon : (Rumah) ..........................................

(Bimbit) ..........................................

Emel: ..........................................

(Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.)

# Penternakan kambing sebagai tarikan agropelancongan



YACOB Adam Shah menunjukkan kambing peliharaannya.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERMULA** dengan sekadar suka-suka, seorang pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM) kini memasang impian lebih besar untuk menaik taraf perniagaan penternakan kambing miliknya menjadi sebuah lokasi agropelancongan menarik di negeri ini.

**YACOB ADAM SHAH**, 61, mula berjinak-jinak membela lima ekor kambing yang dibeli daripada salah seorang rakan pada tiga tahun lalu selepas penternakan itik telur yang diusahakan sebelum ini kurang berjaya.

"Selepas beberapa ketika, saya lihat penternakan kambing mempunyai potensi besar untuk menghasilkan pendapatan yang lumayan kerana harga jualan seekor kambing boleh mencecah sehingga RM1,600 bergantung kepada saiz dan baka.

"Dari situ, saya kemudiannya mengambil keputusan untuk memperbesarkan lagi perniagaan ini dengan membina kandang kambing di atas tanah seluas 0.4 hektar dengan kos kira-kira RM60,000.

"Sekarang saya sudah ada 70 ekor kambing pelbagai baka di bawah perniagaan Syarikat Fariza Mutiara Agro Farm dengan nilai keseluruhan melebihi RM80,000," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara sempena wawancara khas dekat Kampung 20, Seri Pantai dekat Penaga baru-baru ini.



ANTARA jenis kambing yang dipelihara.

## Utamakan kebersihan

Yacob Adam menyatakan bahawa apa yang paling penting adalah kandang kambing yang dibinanya itu lebih bersih dan tidak terlalu berbau jika dibandingkan dengan penternak-penternak lain.

"Ini kerana, setiap dua minggu, saya akan 'tarik' najis kambing dan masukkannya ke dalam uncang sebelum diberikan kepada penduduk kampung yang berminat untuk dijadikan baja organik.

"Malah, saya juga akan memastikan kawasan kandang kambing ini sentiasa kering kerana sekiranya terdapat air bertakung, ia akan menimbulkan bau busuk," katanya yang mengusahakan penternakan kambing tersebut bersama-sama isteri tercinta.

Tambah beliau, setiap bulan, beliau mampu menjual kira-kira tiga hingga enam ekor kambing, namun kebiasaannya permintaan menjadi lebih tinggi ketika musim perayaan Aidiladha.

"Selain menjual dalam bentuk daging segar, saya juga ada menghasilkan daging kambing sejuk beku yang dijual dengan harga RM50 bagi sekilogram.

"Malah, saya juga menyediakan perkhidmatan sembelihan sekiranya ada permintaan selain membersihkan daging kambing sebelum dihantar kepada pelanggan," ujarnya lanjut.

## Cabaran

Sebagaimana cabang perniagaan yang lain, Yacob Adam memberitahu bahawa menternak kambing juga mempunyai kesukaran tersendiri terutamanya dari segi harga makanan ternakan yang semakin melonjak kini.

"Sekarang makanan ternakan kambing boleh dikatakan naik setiap bulan yang mana daripada RM48 kepada RM58 kini dan harga tersebut dijangka semakin tinggi selepas ini.

"Oleh itu, dalam satu hari saya terpaksa membelanjakan kira-kira RM40 hingga RM50 untuk membeli dedak kerana bahan yang digunakan adalah berkualiti tinggi seperti oat, kulit kacang sepat, hampas dan kulit kacang soya serta kacang super.

*(Sambungan di muka 13).*

# Graduan IT pemilik 'chakuey pandan' popular

Oleh: **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**




GERAINYA yang terletak di Tapak Penjaja Sementara Jalan Larut.

SAIFUL Harizan Husin sedang mengadun adunan cakoi jualannya.

**SIAPA** sangka dengan sekadar mencuba nasib dengan berniaga secara kecil-kecilan di Pulau Mutiara, kini jenama Chakuey Pandan Original From Thailand menempa nama di hati setiap pengunjung.

Pemiliknya, **SAIFUL HARIZAN HUSIN**, 29, tidak menyangka rasa istimewa yang terhasil daripada resipi turun-temurun keluarganya menjadi kegemaran pengunjung di sekitar Pulau Pinang.

Saiful Harizan yang berasal dari Pengkalan Kubor, Kelantan berhijrah ke Pulau Pinang selepas mendirikan rumah tangga bersama-sama isteri tercinta yang merupakan penduduk Teluk Bahang.

"Sudah kira-kira lima tahun saya mula berniaga sejak tamat pengajian Diploma Teknologi Maklumat (IT) di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Machang dan sememangnya hanya berkeinginan untuk menjalankan perniagaan.

"Antara tujuh adik-beradik yang lain, hanya saya yang menetap dan menjalankan perniagaan di Pulau Pinang, manakala mereka yang lain masih berniaga di negeri Kelantan," ujarnya yang turut menyatakan perniagaan dijalankan ahli keluarga hanya berasaskan cakoi.

Sebagai makluman, tapak perniagaan cakoi ini dahulunya di Batu Ferringhi, namun kini sudah berpindah ke lokasi baru iaitu di Tapak Penjaja Sementara Jalan Larut sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 3 yang lepas.

"Agak berat untuk saya untuk berpindah ke lokasi baru kerana di Batu Ferringhi, pengunjung mula mengenali saya dan menu jualan, akan tetapi untuk mengelakkan risiko kemalangan, saya turutkan juga.

"Di samping itu, saya juga membuka beberapa lagi cawangan di sekitar Hospital Gleneagles dan Jelutong, tetapi tidak menang tangan selepas komitmen bertambah kerana sudah mempunyai anak kecil.

"Jadi, saya hanya fokuskan satu gerai sahaja iaitu di sini (Jalan Larut)," jelasnya sambil menyimpan hasrat untuk membuka sebuah kedai yang lebih besar.

Dalam sesi wawancara berkaitan, Saiful Harizan turut berkongsi bahawa beliau juga sedia menerima tempahan untuk majlis perkahwinan atau acara-acara yang dianjurkan.

"Saya turut menerima tempahan untuk majlis perkahwinan yang mana kebanyakannya pada hujung minggu bukan sahaja di sekitar Pulau Pinang, malahan juga di Perak.

"Selalunya, saya hanya meletakkan harga RM600 untuk 800 orang makan dan perlu dijalankan di sebuah *'booth'* bagi memudahkan proses penyediaan bahan, menggoreng dan menghidang.

